

21/10/1997

Kedudukan PM urusan negara

reports on "Dewan Rakyat" by Kamal Ahmad; Noordin Zakaria
KUALA LUMPUR, Isnin - Ketua Pembangkang, Lim Kit Siang, berkata DAP memberikan sokongan sepenuhnya kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan kerajaan dalam usaha mengatasi krisis ekonomi, khususnya kejatuhan nilai ringgit dan pasaran saham tempatan.

Menurutnya, sungguhpun DAP parti pembangkang, mereka akan memberikan sokongan sepenuhnya kepada Perdana Menteri jika Amerika Syarikat atau negara Barat cuba campur tangan dalam hal ehwal dalaman Malaysia dengan memaksa penukaran pucuk pimpinan politik yang tidak disukainya.

Berucap lebih sejam membahaskan Belanjawan 1998 hari ini, Kit Siang berkata sama ada Dr Mahathir terus menjadi Perdana Menteri atau tidak, itu adalah urusan rakyat Malaysia dan bukan urusan Amerika Syarikat mahu pun lain-lain negara Barat.

Beliau yang juga Ahli Parlimen Tanjong turut menyokong cadangan menetapkan peraturan antarabangsa bagi mencegah serangan dan manipulasi dalam pasaran mata wang antarabangsa.

"Bahaya yang wujud bersama dengan liberalisasi kewangan adalah ketara, tetapi masalah ini masih belum dapat ditangani dengan berkesan.

"Kebanyakan masalah ini tidak akan dapat diatasi jika hanya bergantung kepada satu pihak yang terbabit tanpa membabitkan kos yang besar dan ini jelas kelihatan daripada reaksi pasaran terhadap kenyataan Dr Mahathir.

"Maka adalah perlu perkara ini disuara dan dipupuk melalui daya usaha pelbagai pihak, iaitu bererti kita perlu mendapatkan sokongan jiran kita dan negara lain. Opsyen untuk memulakan daya usaha satu pihak juga harus dikaji dan dilaksanakan segera mana sesuai," katanya.

Pada masa yang sama, Kit Siang meminta Datuk Seri Anwar Ibrahim memberi pertimbangan yang lebih serius terhadap reaksi negatif terhadap Belanjawan 1998 seperti kenaikan bayaran pasport dan lesen memandu yang disifatkannya sebagai tidak adil.

"Kenaikan bayaran ini akan menyukarkan rakyat yang bekerja atau belajar di luar negara dan sepatutnya mereka diberi pengecualian daripada kenaikan ini.

"Kenaikan kadar pasport akan menambah pendapatan RM130 juta, manakala kenaikan kadar lesen memandu pula akan mendatangkan pendapatan RM150 juta.

"Penambahan levi RM280 juta ke atas rakyat ini sebenarnya dapat dielakkan jika pengurangan cukai syarikat dikurangkan daripada 30 peratus menjadi 28.5 peratus dan bukan 28 peratus kerana pengurangan 0.5 peratus sudah cukup, malah melebihi RM280 juta yang dikutip daripada penambahan kadar pasport dan lesen memandu," katanya.

Kit Siang turut mengemukakan soalan sama ada kerajaan bersedia menubuhkan satu agensi khas untuk mengawal selia dan meneliti penjimatan RM1.2 bilion daripada pengurangan cukai syarikat itu benar-benar dinikmati pengguna.

Beliau tidak mahu sektor korporat menjadi penerima faedah yang berlipat ganda, tetapi turut menaikkan harga barangan pengguna.

Terdahulu, Kit Siang mendakwa media massa tempatan tertunduk kepada dasar self-censorship apabila berhadapan dengan apa yang berlaku di luar negara yang sebenarnya berhubung kait langsung dengan masalah keyakinan terhadap ekonomi negara ini.

Dalam ucapan itu, Kit Siang turut menyuarakan soal rasuah dan mahu keyakinan kerajaan untuk mengisytiharkan perang segenap penjuru menentang amalan itu tidak dirosakkan jika tindakan terhadap `ikan jerung' tidak

dilaksanakan.

(END)